

## Dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik

### Malay Dialect in Perak: A Geolinguistic Analysis

NOR HASHIMAH JALALUDDIN

#### ABSTRAK

*Dialek Melayu telah lama dikaji namun kebelakangan ini agak kurang aktif. Baru-baru ini kajian dialek dirancarkan semula dengan menggunakan pendekatan multidisiplin. Dialek telah digandingkan dengan maklumat geografi yang dikenali sebagai geolinguistik. Selain maklumat topografi, kajian geolinguistik juga mengambil kira faktor bukan linguistik lain seperti migrasi, sejarah dan sosiobudaya dalam menjelaskan taburan dialek. Kajian telah mengaplikasikan perisian Geographic Information System (GIS) dalam melakarkan taburan dialek dan isoglos dengan tepat dan sistematik. Seramai 1500 responden terlibat dari seluruh negeri Perak dengan mengambil golongan tua, dewasa dan remaja sebagai responden. Hasil kajian mendapati wujud pelbagai varian sebutan bagi leksikal kata ganti nama, air dan bantal. Selain daripada varian dialek Perak sendiri, kita temui varian dialek Melayu Patani dan dialek Kedah dituturkan di Perak. Kesan daripada faktor sejarah dan migrasi, kita temui juga bahasa Banjar, Jawa dan Minang yang memperkayakan bahasa di Perak. Dapatan kedua membuktikan walaupun Kuala Kangsar dan Perak Tengah adalah pusat bagi dialek Perak asli, namun penggunaan dialek di Perak mula menampakkan unsur-unsur kepudaran dalam kalangan generasi muda. Ini telah pun berlaku pada bahasa Banjar, Minang dan Jawa. Pengaruh daripada media massa, pendidikan, dan proses asimilasi telah menjadi faktor penyumbang kepada kehilangan bahasa dan dialek ini di Perak.*

*Kata kunci: Dialek; isoglos; GIS; geolinguistik; Perak*

#### ABSTRACT

*Research on Malay dialect has been done years ago and becomes inactive for a while. Recently, the research on dialect has improved with a multidiscipline approach. Dialect works closely with geography and now it is known as geo-linguistic. Besides the topographic information, the geo-linguistic approach takes into account the non-linguistics factors such as migration, history and socio-cultural background in describing the dialect distributions. This study has applied the Geographic Information System (GIS) software in producing the delineation of dialect distribution and isogloss accurately and systematically. A number of 1500 respondents from the whole of Perak have involved that comprises of the old, adult and teenagers. The findings show that there are various variants of pronunciation for the lexicon of personal pronouns, water and pillow. Apart from Perak dialect, we discovered Malay Patani and Malay Kedah as well spoken in Perak. In addition, based on the historical and migration factors, we found Banjar, Java and Minang language that enriches language in Perak. Second finding proves that even though Kuala Kangsar and Perak Tengah are considered as the original part of Perak dialect, nevertheless the use of Perak dialect has a tendency to weaken especially among the teenagers. This has happened to Banjar, Minang and Jawa languages in Perak especially among teenagers. The influence of mass media, education and assimilation process further contribute gradually to the disappearance of these languages and dialects in Perak.*

*Keywords: Dialect; isogloss; GIS; geo-linguistic; Perak*

#### PENDAHULUAN

Dialek boleh dianggap laksana sungai-sungai kecil yang mengalir ke sungai-sungai besar bagi menjadi input kepada bahasa standard. Meskipun alirannya halus tetapi kehadirannya masih signifikan dalam memperkukuhkan lagi bahasa standard daripada segi kosa kata dan peristilahan. Dialek sebagai satu sub-bahasa yang mewakili bahasa tuturan

sesebuah penduduk di satu-satu kawasan (Asmah Haji Omar 1993). Collins (1983) mentakrifkan dialek sebagai satu ragam bahasa yang dibezakan secara tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Tambahnya lagi, ragam bahasa ini terdapat dalam daerah geografi tertentu dan dalam suasana sosial tertentu. Keterwakilan dialek yang dibentuk bagi sesebuah kawasan adalah berbeza daripada suatu

komuniti dengan komuniti yang lain. Buktinya, di Malaysia, terdapat pelbagai dialek mengikut daerah seperti yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1993). Selain itu juga, dalam satu-satu daerah juga mempunyai variasi dialek yang berbeza antara satu daerah dengan daerah yang lain seperti yang dikemukakan oleh Raja Mukhtaruddin (1986). Sehubungan dengan itu, jelas bahawa dialek dan kawasan geografi merupakan perkara yang saling berkaitan antara satu sama lain.

Persoalannya, adakah hari ini kajian dialek masih relevan dan dianggap masih perdana? Ramai sarjana baharu kurang menjadikan dialek sebagai kajian utama kerana beranggapan kajian dialek telah pun lengkap dengan adanya peta dialek yang dikeluarkan oleh Asmah (1993, 2008). Kalau adapun kajian dialek lebih bersifat setempat atau data dialek dijadikan bahan kajian fonologi mahupun peristilahan. Dialek dianggap sebagai kajian sekunder. Namun dengan adanya teknologi moden pada hari ini, kita mampu menghidupkan semula kajian dialek agar setanding dengan kajian teknologi yang lain seperti perubatan, iklim, data raya dan sebagainya. Gabungan kajian dialek dengan teknologi dapat menghasilkan satu kajian baharu yang kita namakan sebagai kajian geolinguistik.

Geolinguistik adalah kajian multidisiplin yang menggabungkan linguistik (dialek), geografi dan teknologi. Satu perisian khusus yang dinamakan *Geographic Information System* (GIS) telah diintegrasikan ke dalam kajian dialek bagi membantu menghasilkan isoglos secara sistematik dan saintifik. GIS juga boleh melalui teknik *choropleth* mampu menandakan penyebaran dialek berdasarkan varian bunyi yang hadir di sesuatu kawasan. Pada masa yang sama, kita boleh menghuraikan mengapakah sesuatu varian itu boleh menjadi terpencil atau tersebar luas berdasarkan faktor buca bumi dan faktor bukan linguistik yang lain seperti faktor sejarah, migrasi dan sosiobudaya. Ternyata huraian dialek kini menjadi lebih menarik, jelas dan sistematik di samping peta dialek baharu yang terhasil.

Artikel ini akan menumpukan kepada penyebaran dialek Melayu di Perak bersumberkan data dahulu, kini dan apakah potensi dialek Melayu di Perak pada masa hadapan. Sebagaimana yang telah dinyatakan di awal perenggan, kajian dialek ini akan memanfaatkan GIS dalam menghuraikan penyebaran dialek Melayu di Perak. Kajian ini merupakan kajian nafas baharu yang mengintegrasikan disiplin lain demi pelestarian dialek di Perak. Usaha merekayasa kajian dialek ini mampu menghidupkan semula kajian dialek yang

lebih sistematik. Artikel ini akan menghuraikan tiga perkara besar bersangkutan kajian dialek di Perak. Tiga tumpuan kajian adalah:

- a. Penyebaran dialek Melayu di sepanjang Sg. Perak berdasarkan kata nama;
- b. Kesan migrasi pada dialek Melayu di Perak;
- c. Isoglos baharu dan masa depan dialek Melayu di Perak.

#### SOROTAN KAJIAN DIALEK DI PERAK

Asmah Haji Omar (1993) dan Harun Mat Piah (1983) merupakan antara pengkaji yang meneliti dialek geografi secara umum. Hal ini kerana, analisis yang dilakukan melibatkan keseluruhan negeri tanpa meneliti secara khusus terhadap setiap daerah mahupun mukim. Asmah telah menyentuh keseluruhan dialek Melayu secara umum yang berada di Malaysia iaitu melibatkan dialek di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak selain turut menyentuh sedikit berkenaan dialek Brunei. Kajian ini keseluruhannya membincangkan variasi dialek iaitu subdialek yang terbentuk dalam satu-satu dialek negeri berdasarkan penghuraian bunyi yang melibatkan fonologi. Asmah telah memperjelaskan perbezaan fonologi yang diwakili bagi setiap subdialek dalam dialek di setiap negeri. Penjelasan fonologi berkenaan tidak terhad kepada penjelasan bentuk fonologi yang diwakili oleh satu-satu dialek dalam negeri sahaja. Malah, Asmah turut menjelaskan variasi dialek yang terbentuk berdasarkan kawasan dalam setiap negeri di Malaysia ini. Dialek Perak turut disentuh oleh Asmah dengan memberikan penjelasan tentang kawasan asli dialek Melayu di Kuala Kangsar serta taburan dialek Melayu lain di Perak secara umum. Analisis yang sama turut dikemukakan oleh Harun namun kajian beliau lebih menumpukan kepada kajian dialek Rawa dan terhad di negeri Perak sahaja.

Kajian-kajian dialek geografi tahun 80-an telah mengetengahkan kajian yang berasaskan geografi kawasan bagi dialek yang dikaji. Kesemuanya melibatkan kajian variasi fonologi dan leksikal yang dihuraikan berdasarkan bentuk-bentuk bunyi yang wujud. Penjelasan berkenaan faktor geografi telah diperjelaskan secara umum mengikut kawasan kajian yang diteliti. Walau bagaimanapun, dapatan peta yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji tersebut lebih bersifat impresionistik, iaitu peta kawasan kajian dilorek berdasarkan lukisan tangan secara

manual. Ini bersesuaian dengan kaedah waktu itu yang belum ada teknologi khusus bagi membantu menghasilkan peta kajian. Selain itu, kebanyakan pengkaji terdahulu seperti Collins (1983) Asmah (1993), Rohani (1986), Ajid (1985) kurang memberi perhatian terhadap faktor muka bumi, migrasi, sejarah dan demografi yang menjadi faktor penyumbang kepada pembentukan sesebuah dialek. Satu lagi ialah kajian oleh Zaharani Ahmad (1993) yang menjadikan data dialek Perak sebagai bahan kajian fonologi dan morfologi. Kajian Zaharani tidak menghasilkan sebarang lorekan peta dialek di Perak. Beliau setakat menghuraikan fenomena dialek di Perak melalui analisis fonologi dan morfologi. Sebagai meneruskan kajian dialek di Perak yang boleh dikatakan rencam, artikel ini akan menunjukkan bahawa banyak perkara menarik mengenai dialek di Perak yang boleh dijadikan bahan perbincangan. Maklumat linguistik berserta maklumat bukan linguistik dengan dikukuhkan dengan aplikasi GIS dapat membantu menjelaskan taburan dialek Melayu di Perak.

Hari ini kajian dialek mula mendapat sentuhan teknologi. Berdasarkan kajian Onishi (2010), Terrarajarat dan Tingsabadh (2011), Nor Hashimah et al. (2013), Norli Safina (2014), Yusmaniza (2014), Nor Hashimah et al. (2016), Zaharani et al. (2018), Siti Noraini Hamzah (2018) kajian geolinguistik di Malaysia berjaya dihasilkan. Kajian yang menggunakan perisian GIS telah berjaya melakarkan taburan peta dan isoglos dengan tepat dan sistematik. Dengan bantuan GIS jugalah isoglos bagi negeri Perak berjaya dihasilkan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian lapangan telah dilakukan di seluruh negeri Perak. Dengan menggunakan kaedah kajian dialek tradisional yang biasa dilakukan seperti menggunakan soal selidik, temu bual, rakaman perbualan dan transkripsi, kajian ini telah melangkah setapak lagi dengan menggunakan perisian GIS. Data dikutip daripada semua golongan masyarakat iaitu melibatkan golongan tua, dewasa dan remaja tanpa mengira jantina dan pendidikan. Semua data soal selidik dipindahkan ke *Microsoft Excel* untuk dicartakan perbezaan variannya. Daripada situ kita akan nampak perbezaan bunyi bagi dialek dalam satu kawasan yang sama. Setelah data ditranskripsi dan dibersihkan, maka langkah selanjutnya adalah untuk memasukkan data dalam *Excel* dan seterusnya dalam perisian *Geographical Information System* (GIS).

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V
1																						
2																						
3																						
4																						
5																						
6																						
7																						
8																						
9																						
10																						
11																						
12																						
13																						
14																						
15																						
16																						
17																						
18																						
19																						
20																						
21																						
22																						
23																						
24																						
25																						
26																						
27																						
28																						
29																						
30																						
31																						
32																						
33																						
34																						
35																						
36																						
37																						
38																						
39																						
40																						
41																						
42																						
43																						
44																						
45																						
46																						
47																						
48																						
49																						
50																						

RAJAH 1. Data dalam Excel

Proses seterusnya adalah menghasilkan taburan peta melalui *Inverse Distance Weight* (IDW) yang boleh dibantu seterusnya dengan *choropleth*. IDW memaparkan peta taburan mengikut titik kampung dan jumlah varian. Kemudian mewarnakan kawasan mengikut jumlah varian menggunakan teknik *interpolation*. IDW meramalkan kawasan yang berhampiran akan saling mempengaruhi berbanding dengan kawasan yang jauh di antara satu sama lain. Contohnya kawasan yang bersempadan dengan Kedah atau Thai akan mudah meresap kata daripada dialek tersebut ke dalam dialek lokal. Tetapi bagi kawasan yang jauh seperti Perak Tengah, pengaruh Thai jelas tidak berlaku. Dalam peta 1 warna kuning yang menandakan penggunaan KGN [sqjɔ] tidak terlihat di bahagian lain negeri Perak. Penandaan titik dinamakan *choropleth*. Penandaan *choropleth* dapat memberikan titik yang tepat bagi penggunaan varian (seperti peta 4). Contohnya di manakah /bantal/, /bante/, /banta/, /bata/ dan /bantaj/ digunakan mengikut kawasan geografi tertentu dapat diperlihatkan melalui teknik *choropleth*. Satu kelebihan dengan metodologi ini ialah, ia membuka ruang untuk kajian bersifat multidisiplin. Dua disiplin digabungkan iaitu linguistik dan geografi lalu membentuk ilmu baharu iaitu geolinguistik. Dengan geolinguistik maklumat dialek dapat dianalisis dengan lebih sistematik dan saintifik. Data lapangan digabungkan dengan perisian GIS mampu menghasilkan lakaran peta yang meyakinkan dan sah.

## FENOMENA DIALEK DI PERAK.

Negeri Perak merupakan antara negeri yang banyak bersempadan dengan negeri-negeri lain. Sebelah utara negeri ini bersempadan dengan dua buah

negeri iaitu Kedah dan Seberang Perai, Pulau Pinang. Selain itu juga, negeri ini juga bersempadan dengan selatan negara Thai. Terdapat sebuah sungai yang bernama sungai Kerian yang menjadi sempadan di antara negeri Perak dengan negeri Kedah. Aliran sungai itu menuju ke Seberang Perai. Di sebelah utara negeri Perak juga terdapat hutan rimba yang tebal iaitu letaknya di bahagian Hulu Perak. Di sebelah timur negeri Perak ini bersempadan dengan negeri Kelantan yang mana kawasan ini disempadankan dengan Banjaran Gunung Titiwangsa. Muka bumi negeri di sebelah timur ini bergunung-ganang dan tanah tinggi yang semakin beransur rendah dan mendatar ke barat. Hutan-hutan tebal kebanyakannya terdapat di bahagian ini dan kebanyakan hulu-hulu sungai bermula dari sebelah bahagian timur negeri ini. Di sebelah selatan pula, negeri ini bersempadan dengan negeri Selangor. Sungai Bernam ditandakan sebagai sempadannya. Di kawasan ini, muka buminya rendah dan tidak berbukit-bukit, selain itu terdapat paya-paya yang tidak dapat digunakan untuk pertanian. Di sebelah barat pula, negeri Perak bersempadankan dengan laut Selat Melaka. Di bahagian ini terdapat beberapa buah sungai yang mengalir dan berkualiti di laut Selat Melaka (Abdul Halim Nasir 1977). Satu perkara yang sangat menarik bagi Perak ialah negeri ini tidak menyebarkan dialeknya ke kawasan berjiranan tetapi sebaliknya menerima dialek luar ke negerinya. Kita akan menemui dialek Kedah, dan Patani serta bahasa Jawa, Banjar, Minang dan Rawa di beberapa tempat di Perak. Menariknya, tiada dialek Perak tersebar di Kedah, Seberang Prai dan Selangor.


#### PENYEBARAN DIALEK MELAYU DI SEPANJANG SUNGAI PERAK

Salah satu kebaikan GIS adalah alat ini mampu memberikan isoglos yang tepat bagi sempadan bunyi. Kajian Norlisafina (2014) dan kajian Nor Hashimah et al. (2016) menunjukkan titik kampung yang tepat bagi bermulanya perbezaan ganti nama 'saya', 'kamu' dan 'mereka' di antara Kuala Kangsar dan Perak Tengah. Berdasarkan peta 1 di bawah, jelas dapat dilihat taburan penggunaan leksikal KGN 'saya' di keseluruhan kampung di pesisir Sungai Perak. Setiap daerah mempunyai varian tertinggi yang diwakilinya daripada keseluruhan variasi yang digunakannya. Berikut merupakan dapatan daripada analisis variasi leksikal KGN di negeri Perak.

#### Leksikal 'saya'

Varian yang tinggi penggunaan di keseluruhan kawasan ialah varian [aku].

- Varian [sajə] pula digunakan hampir di keseluruhan kawasan kecuali di Perak Tengah yang mempunyai variannya yang tersendiri iaitu [sajɛ].
- Varian [ajə] dan [ajɛ] terhasil daripada pengguguran fonem awal /s/ daripada leksikal [sajə] dan [sajɛ] yang digunakan secara seiring dengan leksikal asalnya. Hanya daerah Kuala Kangsar dan Perak Tengah sahaja mencapai penggunaan yang tertinggi bagi kedua-dua varian tersebut. Kuala Kangsar menggunakan [ajə]. Perak Tengah pula menggunakan [ajɛ].
- Varian [kumɛ] hanya digunakan di Perak Tengah.
- Varian [awəʔ] dan [təman] masing-masing telah digunakan di Kuala Kangsar dan Perak Tengah. Selain itu, [təman] juga mencapai penggunaan tertinggi di Hilir Perak
- Varian leksikal [sajə] pula mencapai jumlah tertinggi penggunaannya di kawasan daerah Hulu Perak.



PETA 1. Varian KGN 'saya'

Sumber: Norlisafina 2014; Nor Hashimah et al. 2016


Peta 1 di atas menunjukkan pelbagai varian kata ganti nama 'saya' di sepanjang Sg. Perak. Faktor muka bumi seperti sungai, tanah tinggi, tanah pamah boleh mempengaruhi penyebaran dialek di sesuatu kawasan. Contohnya, di Hulu Perak, pengaruh dialek Kedah dan Patani terkesan pada penggunaan leksikal

/aku/ dan /sajə/. Manakala di Kuala Kangsar kita dapati ada lima (5) varian seperti /aku/, /sajə/, /ajə/, /awəʔ/ dan /təman/. Berbeza dengan Perak Tengah, penggunaan vokal depan separuh rendah /ɛ/ lebih banyak digunakan berbanding schwa /ə/. Ini yang membezakan penutur Kuala Kangsar dengan Perak Tengah. Variannya ada enam, iaitu /aku/, /sajə/, /ajə/, /təman/, /awəʔ/ dan /kumɛ/. Akhirnya di Hilir Perak, varian /aku/, /sajə/ dan /təman/. Ternyata semakin ke selatan semakin kurang pengaruh dialek asli Perak.

### Leksikal 'kamu'

Antara dapatan yang diperoleh daripada analisis KGN diri kedua kamu ini adalah:

- Varian [kamu] digunakan di keseluruhan kampung sepanjang pesisir Sungai Perak ini.
- Varian [han] pula telah digunakan di dua daerah pesisir sungai ini. Daerah tersebut meliputi daerah di Hulu Perak dan Kuala Kangsar.
- Varian [mikə] pula telah digunakan sepenuhnya di Kuala Kangsar. Perak Tengah pula menggunakan varian [mike].
- Varian [awəʔ] digunakan di Kuala Kangsar.
- Varian BM standard [awəʔ] pula hanya digunakan oleh penutur di Hilir Perak.
- Varian BM standard 'engkau' iaitu [əŋkə] juga telah digunakan di Hilir Perak.



PETA 2. Varian KGN 'kamu'

Sumber: Norlisafina 2014; Nor Hashimah et al. 2016


Dalam Peta 2, taburan KGN 'kamu' turut dipengaruhi oleh dialek Kedah di utara. Penggunaan [han] jelas penggunaannya di kawasan Hulu Perak, Bagan

Serai, Selama dan ke utara. Penggunaan [kamu] sangat meluas dan digunakan di seluruh negeri Perak. [əŋkaw] yang digunakan dalam bahasa standard hanya terhad di Hilir Perak. Asmah (1993) berpendapat [əŋkaw] adalah pengaruh daripada dialek Selangor. Penggunaan varian [awəʔ] dan [awəʔ] ditentukan oleh konteks penggunaannya. Di Perak Tengah dan Kuala Kangsar, ia boleh merujuk kepada diri pertama ataupun kedua tetapi di Hilir Perak memang merujuk kepada KGN kedua.

### Leksikal 'mereka'

Cetusan variasi yang pelbagai dan dipengaruhi oleh dialek lain ke dalam variasi dialek Perak jelas dapat dilihat dalam KGN 'mereka' ini. Dapatan yang diperoleh adalah:

- Penutur subdialek Kuala Kangsar menggunakan varian leksikal [demə].
- Penutur subdialek Perak Tengah pula menggunakan varian leksikal [demɛ].
- Penutur di Hulu Perak yang dipengaruhi oleh dialek Melayu Patani telah menggunakan varian leksikal [demə].
- Wujudnya varian leksikal [depə] yang merupakan varian leksikal dialek Kedah. Varian ini digunakan di Hilir Perak.
- Pengaruh dan penyebaran dialek dari negeri bersebelahan iaitu Kedah telah menghasilkan pembentukan variasi leksikal [depə] di Kuala Kangsar [depə] di Hulu Perak.



PETA 3. Varian KGN 'mereka'

Sumber: Norlisafina 2014; Nor Hashimah et al. 2016

KN 'mereka' di sepanjang pesisir Sungai Perak boleh dikatakan menarik kerana tiada diwarnai oleh bahasa standard 'mereka'. Kesemua varian seolah-olah meminjam daripada bentuk [depa] dari dialek Kedah. Orang di pesisir Sungai Perak mengekalkan [de] tetapi mevariasikan suku kata akhir untuk merujuk kepada 'mereka', iaitu [depə], [depə], [demə], [demə], [demə]. Inilah ciri unik dialek Perak kerana kita tidak akan menemui varian ini di mana-mana dalam dialek Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

#### Dapatan baharu kajian geolinguistik

- i. Dapatan baharu yang menarik ialah, dialek utara iaitu Perak dan Kedah telah berkongsi suku kata di awal kata yang sama iaitu [de-] iaitu [demə] di Kuala Kangsar, [demə] di Perak Tengah dan [depa] dalam dialek Kedah. Walau bagaimanapun, [-pa] di akhir kata merupakan suku kata yang didasari oleh dialek Kedah sepenuhnya.
- ii. Persempadanan negeri telah membawa kepada pengaruh pembentukan varian leksikal di sesebuah kawasan. Kehadiran pengaruh dialek Kedah iaitu varian leksikal [depa] telah membawa kepada pembentukan varian [depə] di Kuala Kangsar dan varian [depə] di Hulu Perak. Pengaruh dialek Kedah tidak disebarkan di Perak Tengah kerana daerah tersebut merupakan daerah yang mengekalkan penggunaan dialek Perak asli. Faktor muka bumi juga menjadi penghalang kepada penyebaran dialek Kedah ke Perak Tengah.
- iii. Selain persempadanan negeri, sempadan daerah dan migrasi juga memainkan peranan penting dalam penyebaran sesebuah subdialek. Buktinya, kampung di Perak Tengah yang bersempadan dengan daerah Kuala Kangsar dan Hilir Perak tidak menggunakan varian [mike]. Sebaliknya, kampung-kampung berkenaan iaitu Kg. Teluk Kepayang, Belanja Kiri dan Kg. Raja, Pasir Panjang Ulu telah menggunakan varian subdialek Kuala Kangsar, [mikə].
- iv. Pertembungan dialek telah mempengaruhi cara interaksi sesetengah penutur. Buktinya, penggunaan varian leksikal [awəʔ] telah digunakan dalam dua cara dan makna yang berbeza. Varian [awəʔ] digunakan sebagai KN diri pertama hanya digunakan dalam komunikasi antara sesama penutur dialek Perak. Sebaliknya, varian tersebut juga telah digunakan sebagai KN diri kedua dalam komunikasi

antara penutur dialek Perak dengan penutur bukan dialek Perak. Kedua-dua fenomena ini dijalankan bagi mencapai kefahaman yang jelas antara komunikasi dua pihak tersebut.

- v. Topografi memainkan peranan penting dalam penyebaran dialek. Kemasukan dialek Kedah di Hilir Perak adalah melalui sungai dan pesisir pantai. Penggunaan [depa] jelas di Manjung dan Pulau Pangkor. Meskipun Hulu Perak bersempadan dengan Kedah, tetapi tanah tinggi menghalang kemasukan dialek Kedah di Hulu Perak. Kemasukan dialek Patani juga disebabkan tiada halangan tanah tinggi di sempadan Perak-Thai. Ini membolehkan orang Thai boleh datang menyeberang ke Hulu Perak dan meninggalkan kesan dialek mereka di sana. Jelas sekali faktor topografi dapat membentangkan gambaran sebaran dialek di sesuatu kawasan.

#### KESAN MIGRASI PADA DIALEK MELAYU DI PERAK

Penghijrahan masyarakat luar ke Perak ada terakam dalam Misa Melayu (1992). Kemakmuran Perak dengan hasil bumi telah mengundang orang Belanda, Inggeris, Cina, Sumatera, Jawa, India dan ramai lagi ke Perak. Hal ini dapat dibuktikan dengan kehadiran masyarakat Melayu Patani di bahagian utara negeri Perak. Migrasi masyarakat ini berbeza dengan masyarakat Banjar, Jawa, Minang dan Rawa kerana kehadirannya di Hulu Perak terutamanya adalah disebabkan oleh faktor sejarah bagi menentukan sempadan di antara negeri Perak dengan Kerajaan Reman pada masa dahulu. Mengikut Sejarah Perak (Abdul Halim Nasir 1977), negeri Perak dengan Kerajaan Reman sering berbalah bagi menentukan sempadan. Walau bagaimanapun, selepas campurtangan Kerajaan Inggeris satu perjanjian telah dimeterai dan Perak Ulu telah diserahkan semula kepada negeri Perak yang sebelum ini di takluk oleh Kerajaan Reman. Manakala, batu sempadan juga telah dipersetujui di Bukit Nasah. Dengan itu, barulah wujud sempadan negeri Perak dengan negeri Thai seperti yang terdapat pada hari ini. Oleh itu, tidak hairanlah apabila wujud banyak perkampungan masyarakat Melayu Patani di Hulu Perak. Kebanyakan mereka ini terus menetap dan membina perkampungan dalam daerah ini walaupun Kerajaan Siam telah menyerahkan semula kepada kerajaan Perak.

Manakala, suku Banjar yang tinggal di Sumatera dan Malaysia merupakan anak cucu daripada para penghijrah etnik Banjar yang datang dalam tiga (3) gelombang migrasi besar. Di Malaysia, suku Banjar ini dapat ditemui di negeri Kedah, Selangor, Johor, Sabah dan Perak. Daerah yang paling ramai terdapat etnik Banjar adalah daerah Kerian di Perak. Asalnya mereka ini ialah dari Kalimantan Indonesia iaitu dari tempat yang bernama Banjarmasin. Daerah ini merupakan kawasan penanaman padi. Oleh demikian, mereka yang berhijrah ke Tanah Melayu adalah merupakan petani-petani yang mahir dalam penanaman padi (Abdul Halim Nasir 1977). Tambahan pula pada permulaan kurun ke-20, Kerajaan Inggeris telah memperkenalkan skim padi di daerah Kerian dan Sungai Manik. Dengan bermulanya skim padi ini, orang Banjar dari Kalimantan di bawa masuk untuk bekerja dalam skim-skim tersebut (Malim Ghazali 2011).

Sementara itu, penghijrahan masyarakat Jawa pula dipengaruhi oleh dua keadaan iaitu merantau dan minggat. Orang Jawa merantau ke Tanah Melayu antaranya untuk memperbaiki taraf hidup dan mempelajari ilmu. Keadaan kedua pula melibatkan minggat kerana melarikan diri daripada sesuatu perkara yang berlaku di negara asalnya. Antara faktornya terdapat juga yang datang secara paksaan. Terdapat sindiket pemerdagangan manusia yang menyediakan bekalan buruh kepada pedagang yang berlabuh di Tanah Melayu (Khazin Mohd Tamrin 1978).

Menurut Khazin lagi, orang Minangkabau yang berhijrah ke Tanah Melayu lebih suka berniaga, malah budaya 'makan gaji' adalah tidak digalakkan atau disukai oleh orang Minangkabau yang merantau. Penyebaran bahasa Jawa di Perak salah satunya disebabkan oleh faktor sejarah pemerintahan dahulu. Hal ini kerana Sultan pertama yang memerintah Perak ialah Raja Muzaffar yang merupakan anakanda kepada Sultan Mahmud Syah yang telah berundur ke Kampar, Sumatera. Baginda diangkat menjadi Sultan di sana setelah berlaku peperangan dengan orang-orang Portugis di Melaka. Justeru itu, hubungan darah antara Sultan Perak dan Sultan Kampar, Sumatera ini juga telah membawa jalinan komunikasi dan sedikit sebanyak perpindahan masyarakat Sumatera iaitu melibatkan masyarakat Jawa mahupun Rawa dan Minangkabau ke Perak.

Masyarakat Rawa berasal dari Sumatera Barat. Rawa adalah salah satu rumpun dari bahasa Melayu. Mengikut sejarah, masyarakat Rawa berhijrah ke Tanah Melayu pada abad ke-15 atas alasan berdagang semasa zaman pemerintahan Sultan Melaka (Harishon


& Jawahir 2017). Masyarakat ini lebih dominan ditemui di Gopeng Perak (Asmah Haji Omar (1993). Walau bagaimanapun, masyarakat ini turut ditemui di Batang Padang yang turut berkomuniti dengan masyarakat Minang asli. Menurut Harun Mat Piah (1983) pula, kedatangan orang-orang Rawa pula dikatakan berlaku sejak 300 tahun yang lalu dan kawasan terawal yang diduduki ialah Raub Pahang dan segelintirnya berhijrah ke Perak. Jadi daripada sejarah tersebut tidak mustahillah penyebaran dialek Rawa ke Perak boleh wujud dan sekali gus menunjukkan kerencaman variasi dialek di Perak.

### Dialek Patani

Masyarakat Patani banyak menduduki kawasan utara Perak. Peta 2 di bawah dapat membuktikan taburan varian 'air' yang dikatakan mempunyai pengaruh dialek Melayu Patani. Berdasarkan peta di atas, didapati variasi bagi leksikal 'air' jelas memperlihatkan kepelbagaian sebutannya dalam kalangan penduduk kampung di daerah Larut Matang, Selama dan Hulu Perak. Antara varian yang digunakan bagi rujukan kepada leksikal 'air' ialah /ɛ/, /æ/, /ajɔ/ dan /ajɑŋ/ (Yusmaniza Yusoff 2014). Varian /ɛ/ yang ditandai dengan simbol ● menunjukkan pengaruh daripada dialek Melayu Patani yang paling jelas (Ruslan 2011) dan banyak ditemui di Kampung Pantai Besar, Kampung Relang, Kampung Sempeneh Seberang dan Kampung Sempeneh Cempaka dalam mukim Batu Kurau, di Kampung Kerunai, Kampung Plang, Kampung Kuak Hulu dan Kampung Selarong di dalam mukim Kerunai dan di Kampung Pahit Tengah, Kampung Lalang, Kampung Kuak Luar dan Kampung Simpang Pulai dalam mukim Pengkalan Hulu (Yusmaniza 2014). Kebanyakan penduduk di kampung-kampung ini adalah berketurunan Melayu Patani. Sumber pendapatan utama mereka adalah dengan menoreh getah. Ini kerana, bentuk muka bumi di kawasan ini adalah berbukit dan dipenuhi dengan kebun-kebun getah milik orang kampung serta diliputi oleh hutan tebal.

Sementara itu, kawasan lain ada yang menggunakan sebutan standard iaitu /æ/ yang ditandai simbol ●. Penyebutan standard ini kebanyakannya ditemui dalam kalangan generasi muda kerana dipengaruhi oleh sekolah dan media massa. Terdapat juga beberapa kampung yang ditemui menggunakan sebutan asli dialek Melayu Perak iaitu /ajɔ/ yang diberikan simbol ●. Varian sebutan asli ini hanya ditemui di Kampung Seberang Ampang, Kampung Ayer Kuning dan Kampung Kubu di mukim Bukit Gantang sahaja. Ini kerana,

kampung-kampung tersebut sangat berdekatan dengan daerah Kuala Kangsar yang semua penduduk kampungnya menggunakan dialek Melayu asli Perak. Manakala, varian /aʝaʃ/ ditandai dengan ● yang memperlihatkan pengaruh dialek utara hanya ditemui di dalam mukim Selama dan Trong. Kedua-dua mukim ini sangat berhampiran dengan negeri Kedah. Oleh sebab itu, masyarakat kampung di mukim-mukim ini majoritinya menggunakan dialek utara dalam komunikasi seharian mereka. Faktor topografi seperti muka bumi dan persempadanan memainkan peranan penting dalam penyebaran dialek.



PETA 4. Taburan Leksikal ‘air’

Sumber: Yusmaniza 2014


**Dialek Minang**

Batang Padang merupakan daerah di selatan Perak. Keadaan muka bumi di daerah ini adalah bergunung-ganang dan berbukit. Ini kerana kawasan ini bersebelahan dengan banjaran Gunung Titiwangsa yang menganjur dari utara ke selatan (Abdul Halim Nasir 1977). Faktor geografi di kawasan juga telah membawa pengaruh kepada kehadiran variasi leksikal yang digunakan oleh penduduk di kawasan ini. Berikut merupakan beberapa senarai perbezaan bunyi yang ketara milik bahasa Minangkabau yang berbeza dengan dialek Melayu Perak:

- i. Vokal /i/ yang hadir bersama kosonan nasal /ŋ/ ‘-ng’ di akhir kata akan mengalami perangkapan dalam suku kata tertutup iaitu /ia/. Justeru itu wujud varian tertinggi bagi leksikal ‘anjing’ dan ‘kucing’ yang membentuk /aŋdʒijaŋ/ dan /kuʃʃijaŋ/.
- ii. Selain bahasa Minangkabau, bahasa Rawa turut ditemui di Batang Padang. Ciri fonologi dialek

Rawa ialah vokal /e/ pada suku kata awal akan mengalami pembundaran vokal kepada bunyi /ɔ/, manakala dalam bahasa Minang vokal /e/ tersebut akan mengalami perendahan vokal kepada vokal /a/. Sehubungan dengan itu, ditemui varian /bɔteh/ untuk Rawa dan /bateh/ untuk Minangkabau bagi leksikal ‘betis’.

- iii. Variasi percampuran penggunaan dialek. Percampuran bahasa Minang dan dialek Rawa dikenal pasti bagi leksikal ‘mentah’ kerana wujudnya varian /mantah/ yang merujuk kepada identiti bunyi sebutan bahasa Minang dan Perak Tengah, manakala /mɔntah/ pula merujuk kepada dialek Rawa. Selain itu, leksikal ‘besar’ menunjukkan wujudnya varian /bɔsa/ yang merujuk kepada dialek Rawa, manakala /gɔdaŋ/ bagi varian bahasa Minang.



PETA 5. Taburan Leksikal Anjing dan Betis

Jelas daripada peta 3 di atas, wujudnya taburan dialek Minang dan Rawa di kawasan yang sama, iaitu di Lubuk Katak dan Batu Hampar. Keadaan kawasan tanah tinggi di kawasan ini tidak membolehkan dialek ini tersebar di luar kawasan itu sendiri. Malah penggunaan dialek Perak seperti /bətih/ dan /aŋdʒeŋ/ hanya ditemui di kawasan landai tetapi tidak digunakan di Lubuk Katak dan batu Hampar kerana dihalang oleh tanah tinggi (Norashikin 2014).


**Pengaruh Jawa**

Selalunya kita menggelarkan bahasa Jawa bukan dialek Jawa kerana peratus pemahaman bahasa ini adalah kurang daripada 50%. Namun kita masih boleh mengesan perbezaan penggunaan kata panggilan ‘datuk’ dan ‘nenek’ di Hilir Perak. Terdapat tiga bentuk varian penggunaan kata panggilan bagi ‘datuk dan nenek’ yang digunakan di daerah Hilir Perak. Dapatan kedua-dua leksikal ini digabungkan kerana kedua-duanya digunakan secara seiring.



Varian yang lazim ditemui ialah dapatan bahasa Melayu standard iaitu /nene?/ dan /ato?/ yang ditandakan dengan simbol ●. Penggunaan kata ini sejajar dengan penggunaan bahasa Melayu standard secara formal. Tambahan pula, leksikal tersebut juga digunakan bagi dialek Selangor yang bersempadan dengan daerah Hilir Perak. Justeru itu, kedua-dua leksikal tersebut digunakan di kesemua kampung. Walau bagaimanapun, kata panggilan standard ini diujarkan dalam bunyi yang berbeza iaitu /dato?/ kepada /ato?/. Selain daripada kata panggilan bahasa Melayu standard, setiap kampung di daerah ini juga menggunakan kata panggilan daripada dialek Perak iaitu /ɔpɔh/ dan /to?/ yang ditandai dengan simbol □. Manakala bagi penggunaan kata panggilan Jawa pula ditandai dengan ◈.


Kata panggilan /əmbəh/ digunakan untuk merujuk kepada datuk dan nenek sekali gus. Penambahan kata /lanɔŋ/ yang merujuk kepada lelaki dan /wedo?/ yang merujuk kepada perempuan hanya digunakan sebagai penanda jantina (Marniyati Mohd Nor 1999). Lazimnya, hanya kata /əmbəh/ sahaja digunakan. Ternyata, varian leksikal Jawa hanya digunakan di kawasan kampung yang berada di bahagian barat daerah itu iaitu berada di sepanjang Sungai Perak yang menyusur ke laut Selat Melaka. Kampung tersebut ialah Kg. Matang Kundang, Bagan Datoh dan Kg. Sungai Dulang Dalam, Teluk Baru. Manakala Kg. Sg. Tiang Darat, Rungkup berada di kawasan berhampiran dengan pesisir Selat Melaka. Kg. Sg. Samak, Hutan Melintang pula merupakan daerah yang bersempadan dengan daerah Sungai Besar, Selangor yang juga merupakan kawasan penempatan masyarakat Jawa. Justeru itu, terbukti bahawa kawasan ini juga menjadi kawasan lingkungan penempatan masyarakat Jawa (Siti Noraini et.al 2017).



PETA 6. Taburan Leksikal Datuk dan Nenek

### Pengaruh Banjar

Selain Patani, Minang, Rawa dan Jawa, kehadiran leksikal Banjar juga boleh ditemui di daerah Kerian. Menurut Hudson (1967), penghijrahan orang Banjar bermula dalam pertengahan abad ke-19 yang disebabkan oleh faktor perdagangan dan kemiskinan. Petempatan awal yang dapat dikesan ialah di Batu Pahat, Johor. Pada masa itu, mereka sering berulang alik berdagang dan berniaga kelapa kering melalui Siak, Bentan, Inderagiri terus ke Batu Pahat dan Singapura. Dari Batu Pahat, mereka berpecah ke kawasan-kawasan lain dan menjalankan aktiviti bertani, berkebun getah, kelapa dan sebagainya. Di Kerian, masyarakat ini dapat ditemui di kawasan penanaman padi. Tambahan pula, daerah ini dikenali sebagai Jelapang Padi negeri Perak. Ekoran itu, terdapat banyak pengaruh dialek Banjar yang ditemui dalam kalangan penduduk kampung di daerah ini selain dialek utara yang dominan. Peta 7 di bawah membuktikan kehadiran mereka di daerah Kerian. Mereka menggunakan leksikal /baju/ untuk merujuk kepada 'air'.



PETA 7. Taburan Leksikal 'Air'

### MASA DEPAN DIALEK MELAYU DI PERAK: PERBANDINGAN GENERASI TUA DENGAN GENERASI MUDA.

Kesan daripada faktor sejarah, migrasi, muka bumi dan kini sosiobudaya, kita dapati dialek dan bahasa Melayu di Perak berpotensi untuk pupus (Siti Noraini dan Nor Hashimah 2018). Penggunaannya semakin menipis dan kini hanya tinggal generasi tua dan dewasa sahaja yang masih menggunakan dialek-dialek ini. Pengaruh sistem persekolahan dan media sosial mempercepatkan lagi kepupusan dialek ini. Anak-anak remaja semakin suka

mengasosiasikan diri mereka dengan bahasa baku berbanding dialek. Mereka mula beralih daripada dialek ke bahasa baku. Menurut Teo Kok Seong (2000), peralihan bahasa adalah merujuk kepada kehilangan kecekapan berbahasa secara perlahan-lahan dalam kalangan penutur-penutur natif sesuatu bahasa itu. Akibatnya, para penutur natif bahasa berkenaan boleh menjadi kurang cekap atau tidak mahir langsung dalam menggunakannya. Ini antara lain, adalah kerana konteks penggunaan bahasa natif itu sudah menjadi semakin kurang dan hanya digunakan untuk berhubung dengan ahli keluarga dan rakan-rakan sahaja. Fenomena ini sekiranya

tidak diberi perhatian pastinya akan membawa kepada gejala kepupusan bahasa ataupun dialek.

Jadual 1 menunjukkan peratusan penggunaan dialek bagi leksikal terpilih. Daripada jadual itu juga kita boleh meramalkan tentang kedudukan dialek Melayu di Perak. Gambaran kasar yang boleh dibuat ialah, dialek hanya dituturkan oleh golongan tua dan dewasa tetapi peratusannya merosot dalam kalangan remaja. Dua leksikal telah dipilih, iaitu 'air' dan 'bantal' tetapi kedua-dua leksikal ini mampu memberi gambaran awal kepada kedudukan dialek Melayu di Perak.

JADUAL 1. Peratusan Penggunaan Leksikal 'Air' di Perak

Leksikal	Daerah/Mukim	Generasi Tua		Generasi Muda
		Sebutan	Peratusan	Peratusan
Air	Hulu Perak	ae	0%	100%
		ε	50%	0%
		ʔ <sup>o</sup> e	50%	0%
	Kerian	ae	0%	100%
		ajaʔ	70%	0%
		baŋu	30%	0%
	Kuala Kangsar	aj	100%	100%
	Perak Tengah	aj	100%	100%
	Larut Matang Selama	ae	0%	100%
		ajaʔ	80%	0%
		aj	20%	0%
	Manjung	ajaʔ	90%	0%
		aj	10%	0%
		ae	0%	100%
	Kampar	ae	90%	100%
		aj	10%	0%
	Kinta	ae	90%	100%
		aj	10%	0%
	Hilir Perak	ae	70%	100%
		baŋu	30%	0%
	Batang Padang	ae	70%	100%
ajiə		30%	0%	

Daripada paparan Jadual 1 di atas, kita dapati peralihan daripada dialek ke bahasa baku banyak berlaku pada dialek Patani, bahasa Banjar, bahasa Jawa dan bahasa Minang bagi leksika 'air'. Ini boleh dikatakan kesan daripada proses asimilasi, pendidikan, media

massa dan modenisasi. Oleh kerana komuniti mereka semakin kecil, maka kita boleh faham mengapa fenomena ini berlaku. Penutur generasi tua adalah orang yang berasal dari tanah air mereka seperti Banjarmasin, Sumatera dan Jawa. Mereka datang dan

membuat penempatan di Perak dan pada masa yang sama mengekalkan dialek/bahasa mereka. Apabila mereka hidup dan melahirkan beberapa generasi, kita dapati generasi yang muda telah memilih bahasa standard. Jelasnya, peralihan tidak begitu ketara bagi penutur kedua-dua generasi di Kuala Kangsar dan Perak Tengah. Leksikal 'air' masih disebut /qjɔ/ di kedua-dua daerah. Identiti dialek Perak asli memang ketara di kedua-dua daerah ini. Namun lain pula halnya di kawasan Kinta, Manjung dan Kampar di mana /ae/ telah digunakan 100% oleh golongan remaja. Daerah Kinta, dan Kampar adalah kawasan yang berhampiran dengan ibu negeri Ipoh, yang terdedah juga dengan ini masyarakat luar. Manakala Manjung adalah kawasan peranginan berdekatan dengan Pulau Pangkor yang banyak menerima pengunjung dari luar. Kawasan ini juga adalah berdekatan dengan pangkalan tentera laut Malaysia. Kawasan-kawasan ini boleh dianggap sebagai kawasan yang telah menempuh pemodenan dan banyak pembangunan dilihat di kawasan ini. Maka wujud percampuran penduduk untuk mencari rezeki.


Fenomena yang sama terlihat pada leksikal 'bantal' seperti dalam Jadual 2 di bawah. Penduduk Patani yang bermastautin di Hulu Perak menggunakan [bata] tetapi telah beralih kepada [bantal] dalam kalangan generasi muda. 100% responden orang muda menggunakan [bantal]. Di Kerian di mana adanya penutur Banjar, kita dapati [baNtal] tidak lagi digunakan. 70% generasi muda memilih [bantal] dan 30% pula memilih [bantaj] yang jelasnya pengaruh daripada dialek Kedah. Hilir Perak dan Batang Padang yang ada penutur Jawa dan Minang juga merakamkan generasi muda menggunakan bahasa standard [bantal]. Ini bermakna tiada generasi muda penutur dialek Patani, bahasa Banjar, Jawa dan Minang mengekalkan dialek asal tetapi memilih [bantal] sebagai sebutan mereka. Hal yang sama juga bagi penduduk asal Perak seperti Kinta dan Kampar. Anehnya Manjung masih ada yang mengekalkan dialeknnya dengan 50% menyebutnya [bantaj] dan 50% lagi menggunakan [bantal]. Manjung sangat dipengaruhi oleh dialek Kedah.

JADUAL 2. Peratusan Penggunaan Leksikal 'Bantal' di Perak

Leksikal	Daerah/Mukim	Generasi Tua		Generasi Muda
		Sebutan	Peratusan	Peratusan
Bantal	Hulu Perak	bata	100%	0%
		bantal	0%	100%
	Kerian	bantaj	70%	30%
		bantal	0%	70%
		baNtal	30%	0%
	Kuala Kangsar	bante	80%	80%
		banta	20%	20%
	Perak Tengah	bante	100%	70%
		bantal	0%	30%
	Larut Matang Selama	bantaj	80%	30%
		bantal	0%	70%
		bante	20%	0%
	Manjung	bantaj	90%	50%
		bante	10%	0%
		bantal	0%	50%
	Kampar	bantal	100%	100%
	Kinta	bante	10%	0%
		bantal	90%	100%
Hilir Perak	bantal	100%	100%	
Batang Padang	bantal	100%	100%	

Namun begitu penutur Kuala Kangsar dan Perak Tengah masih kekal dengan identiti Peraknya. Generasi tua dan muda masih menggunakan dialek Perak asli bagi bantal, iaitu 80% menyebut [bante] dan 20% menyebut sebagai [bantə]. Leksikal [bantə] dikatakan gabungan antara dialek Perak dan Patani. Bunyi ini hanya ditemui di Kuala Kangsar. Manakala responden muda dari Perak Tengah menggunakan 70% [bante] dan 30% [bantə]. Apa yang jelas ialah telah berlaku peralihan dialek dalam kalangan generasi muda di Perak. Perubahan pada dialek Patani dan bahasa Banjar, Minang dan Jawa lebih dapat dikaitkan dengan proses asimilasi di samping faktor persekolahan dan media massa. Manakala penutur asli Perak dapat dikaitkan dengan faktor persekolahan dan media massa.

Penipisan dialek Melayu di Perak dapat dijelaskan lagi dalam peta taburan leksikal di bawah. Kita dapat lihat dengan jelas dari peta 8 di bawah, taburan yang asalnya ada enam varian telah bertukar menjadi dua varian sahaja. Ini perubahan yang sangat merisaukan bagi dialek Melayu di Perak.




PETA 8. taburan leksikal 'air' di antara generasi tua dan muda

Taburan air bagi generasi tua lebih berwarna-warni berbanding dengan generasi muda. Ada enam varian iaitu, [ae, ajaŋ, aɔ, ʔ<sup>ae</sup>, baŋu, ajiə] yang mewakili dialek Melayu, Patani dan bahasa Banjar, Jawa dan Minang. Hari ini, dalam kalangan generasi muda hanya tinggal dua varian sahaja, iaitu [ae] an [aɔ]. Yang kekal hanya dialek Perak di Kuala Kangsar dan Perak Tengah iaitu kawasan yang dianggap kawasan Perak jati. Tompok berwarna ungu semakin sedikit taburannya, manakala tompok warna kuning, oren, biru dan merah muda terus hilang dari peta. Warna-warna ini telah digantikan dengan warna hijau yang melambangkan bahasa standard. Rumusnya bolehlah dikatakan dialek Melayu di Perak semakin mengalami kepupusan.

**Isoglos Baharu Dialek Melayu di Perak**

Hasil daripada kajian lapangan yang melibatkan 1500 orang responden ke atas 120 buah kampung di seluruh Perak, maka satu isoglos baharu dapat dihasilkan. Sebagai perbandingan, dipaparkan juga isoglos yang dilakarkan oleh Asmah (2008). Penandaan isoglos oleh Asmah boleh dikatakan secara umum berbanding dengan isoglos baharu negeri Perak.




PETA 9. Taburan Dialek Melayu (Asmah 2008)

Perhatikan pembahagian isoglos dialek Melayu ini memberikan nafas baharu kepada kajian ilmu dialek. Kajian dialek yang selama ini hanya tertumpu kepada analisis linguistik telah menjadi semakin menarik dengan adanya maklumat bukan linguistik dan penerapan perisian GIS. Penghasilan isoglos lebih tepat, sistematik dan saintifik. Peta 10 di bawah hanya terhad kepada negeri Perak sahaja. Satu usaha sedang dijalankan untuk menghasilkan peta isoglos dialek Melayu di Malaysia dalam masa terdekat. Dalam peta 10 juga pembahagian dialek bukan berdasarkan sempadan politik tetapi berdasarkan sempadan geografi bagi setiap varian leksikal dan bunyi yang dituturkan (Siti Noraini 2018).

Warna-warna dalam peta 10 mewakili dialek Patani, dialek Kedah, dialek Kuala Kangsar, dialek Perak Tengah, bahasa Banjar, bahasa Jawa dan Minang. Perhatikan isoglos ini tidak lagi mengikut sempadan daerah negeri Perak malah telah melangkau sempadan politik. Isoglos atau sempadan dialek ini dilakar berdasarkan penggunaan dialek sebenar. Berbanding dengan peta 9 di atas, kita dapati peta dialek Perak yang ditandakan dengan hijau ternyata jauh berbeza dengan peta 10. Kalau diperhatikan dialek Kedah bukan sahaja wujud di utara Perak tetapi juga di pesisir pantai. Gambaran isoglos baharu ini lebih tepat kerana aplikasi GIS

(*Geographic Information System*) yang dapat melakar peta dengan sistematik. Ini adalah inovasi pada kajian dialek di Malaysia.



PETA 10. Isoglos Dialek Melayu di Perak

## KESIMPULAN

Perbincangan mengenai dialek Melayu di Perak sangat menarik. Dalam artikel ini ada beberapa perkara yang diketengahkan, iaitu kedudukan dialek di sepanjang Sungai Perak, kesan migrasi pada dialek di Perak, kepupusan atau penipisan penggunaan dialek Melayu daripada generasi tua dan muda serta penghasilan isoglos baharu bagi dialek Melayu di Perak. Semua hasil dapatan kajian ini telah menggunakan GIS. Sesungguhnya kajian dialek pada hari ini sangat mencabar. Bantuan teknologi seperti GIS menuntut titik kampung data yang tepat bagi membolehkan peta isoglos yang sahih dihasilkan. Hasil daripada perancangan yang teliti maka peta isoglos ini berjaya dihasilkan. Pendekatan multidisiplin yang diterapkan telah berjaya menjadikan kajian ini lebih menarik untuk dikupas. Kajian ini bukan terhenti setakat mencari perbezaan bunyi dan leksikal tetapi juga mampu menjelaskan fenomena mengapa pola dialek wujud sedemikian rupa. Sebenarnya

faktor muka bumi seperti faktor bukan linguistik seperti migrasi, sejarah dan sosiobudaya turut menjadi faktor penyumbang kepada penyebaran dialek Melayu di Perak. Apa yang penting dan menuntut perhatian ialah perihal semakin pudarnya penggunaan dialek Melayu di Perak. Di satu pihak kita sayangkan dialek yang juga merupakan jati diri penuturnya tetapi pada masa yang sama gelombang pembangunan, sistem pendidikan dan media massa telah berjaya mengubah persepsi orang muda yang ternyata memilih bahasa Melayu standard sebagai bahasa mereka.

## PENGHARGAAN

Pelestarian Dialek Melayu di Langkawi dan Satun (TD2015-004) dan Pemetaan Dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik (AP-2012-002)

## RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. 1977. *Sejarah Perak: Siri Pertama*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Ahmad Fauzi Mohd Basri. 1992. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek Pasir Mas*. Bangi: Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kesenian Melayu
- Asmah Hj. Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2008. *Ensaiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harishon Radzi & Nurul Jawahir Md. Ali. 2017. Penerimaan Bahasa Melayu dalam Dialek Rawa: Penelitian Peminjaman Kata dlm Nor Hashimah Jalaluddin & Fazal Mohamed Mohamed Sultan (pynt). *Linguistik Kotemporari*. Bangi, UKM
- Harun Mat Piah. 1983. *Dialek negeri Perak*. Bengkel Kepimpinan dan Pengajaran Kebudayaan Negeri Perak. 20-23 Oktober 1983: Ipoh
- Hudson, A. B. 1967. *The Barito Isolects of Borneo: A Classification Based on Comparative Reconstruction and Lexicostatistics*. Ithaca: Cornell University.
- Khazin Mohd Tamrin. 1984. *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan penempatan 1880-1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malim Ghazali PK. 2011. *Kampung-kampung Tersohor: Di Sepanjang Sungai Perak*. Ipoh: Institut Darul Ridzuan.
- Marniyati Mohd. Noor. Kata Panggilan Masyarakat Jawa. Kertas Projek Sarjana, Program Linguistik, UKM.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Mustaffa Omar & Mokhtar Jaafar. 2013. Lexical variation and distribution in Perak Malay: A GIS Approach. *Seminar*

- on *Southeast Asian Linguistics (SEALS)*, 29-31 Mei: Universiti Chulalongkorn, Bangkok.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad & Harishon Radzi. 2016. Variasi kata ganti nama dialek di pesisir sungai Perak: analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies* 16(1): 109-123.
- Norashikin Mat Naib. 2014. Penyebaran Dialek Minang di Perak. Latihan Ilmiah, Program Linguistik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norlisafina bt. Sanit. 2014. Variasi leksikal kata ganti nama dialek di pesisir Sungai Perak: Aplikasi Geographical Information System (GIS). Tesis Sarjana, Program Pengajian Linguistik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Onishi, T. 2010. Analyzing dialectological distributions of Japanese. *Dialectologia* (Special issue) I: 123-135.
- Raja Mukhtaruddin. 1986. *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Rohani Mohd Yusof. 2003. Kuala Kangsar sebagai Zon Transisi Dialek. *Jurnal Bahasa* 3(4): 588-606.
- Ruslan Uthai. 2011. *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2017. Migrasi Masyarakat Luar dan Pengaruh Dialek di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Bahasa* 17(1): 1-34.
- Siti Noraini Hamzah. 2018. Penyebaran Bunyi dan Leksikal Dialek-Dialek di Perak: Analisis Geolinguistik. Tesis PhD, Program Linguistik. UKM.
- Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Kepelbagaian Variasi Leksikal Dialek di Perak: Analisis GIS. *AKADEMIKA* 88(1): 137-152
- Teerarojanarat, S. dan Tingsabadh, K. 2011. A GIS-based approach for dialect boundary studies. *Jurnal Dialectologia of Universitat de Barcelona* 6: 55-75.
- Teo Kok Seong. 2000. *Sosiolinguistik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusmaniza Yusoff. 2014. Penyebaran Dialek Melayu di Perak: Pemetaan Menggunakan Aplikasi GIS. Tesis Sarjana Program Linguistik. Bangi: UKM.
- Zaharani Ahmad. 1993. *The Phonology and Morphology of Perak Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Yusmaniza Yusoff. 2018. GIS Mapping of Dialect Variation in North Perak. *Dialectologia* 20 :1-20

Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaluddin  
 Program Linguistik  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 shima@ukm.edu.my

Diserahkan: 19 Mac 2018  
 Diterima: 23 April 2018